

Qalam

Bilangan 93

Ramadan 1377

April 1958

70 Sen

Islam Bernegara

Banyak di antara orang-orang Islam sendiri, terutamanya yang berpelajaran Barat, memandang bahawa erti beragama Islam itu hanyalah terlingkung di dalam perkara-perkara mengenai ibadat dan nikah kahwin sahaja, beragama itu tidak boleh dicampurkan dengan urusan-urusan agama seperti yang dibuat oleh lain-lain agama.

Orang-orang Barat mencuba membunuh semangat Islam, mereka mencari jalan supaya pengertian beragama bagi orang-orang Islam itu diracun mereka kerana jika orang-orang Islam beramal mengikut ajaran Islam akan menjadi tentangan yang hebat bagi mereka dan sebab itulah mereka mencari jalan, dan salah satu jalan yang diracuni mereka ialah memasuki pengertian-pengertian perpecahan di dalam Islam sehingga timbullah di dalam Islam itu tiga pengertian - (1) orang-orang yang berpegang kuat kepada ajaran Islam; (2) orang-orang yang memandang bahawa beragama itu hanya terlingkung pada ibadat dan mati sahaja – meninggalkan hal-hal keduniaan; dan (3) orang-orang yang berpengajian Barat memandang negara itu mestilah dipisahkan daripada agama – agama tidak boleh dicampurkan bernegara seperti agama-agama lain.

Dengan adanya tiga pengertian ini, orang-orang Barat semenjak berlakunya perang ((Salib)) yang masyhur di dalam sejarah itu, memandang Islam sebagai musuh ketatnya

sehingga di dalam beberapa masa yang akhir ini, sekalipun mereka melihat bagaimana besar bahaya pengertian-pengertian yang memusuhi Tuhan (Atheis) yang berpusat di negara Komunis di Rusia, namun orang-orang Barat pada hakikatnya masih takut kepada perkembangan Islam dan kerana itulah mereka, terutamanya di dalam negeri-negeri yang dijajahnya, berdaya upaya supaya pengertian Islam yang sebenar – Islam tidak boleh dipisahkan dengan negara, dicuba dibunuh mereka dengan menggunakan orang-orang Islam sendiri dan kerana itulah sentiasa lumpuh kerana umat Islam tidak dapat bersatu.

Lihat sahaja dalam perkembangan Islam di Indonesia pada masa penjajahan dahulu di mana kiai-kiai dibelanjai oleh Belanda supaya menghidupkan perpecahan di antara umat Islam supaya tidak hormat menghormati pengertian masing-masing – kafir mengkafirkan di antara satu dengan lain sehingga kekuatan umat Islam tidak mungkin tercapai.

((Jarum)) ini juga berlaku di Malaya di dalaman jika pensyarah-pensyarah agama yang mengulas hal bernegara maka orang ini dicop Komunis dan seumpamanya bahkan jika ada orang mengajar pengertian-pengertian agama yang membawa kedaulatan – supaya Islam disatukan dengan negara maka kerajaan akan menegah ajaran itu sehingga diadakan satu undang-undang menegah orang mengajar melainkan jika ada mempunyai tauliah daripada Raja-raja Melayu pada hal di sebalik itu ajaran-ajaran agama lain, Kristian dan *missionary*-nya dan lain-lain lagi bukan sahaja dibebaskan tetapi diberi pula hak dari hasil negara untuk perkembangan mereka.

Akhirnya jika di Indonesia dalam merebut kemerdekaannya angkasa Indonesia dipenuhi dengan suara takbir,

dengan jihadnya umat Islam yang telah sedar maka berdirilah negara Indonesia yang ada sekarang dengan mengakui ketuhanan yang Maha Esa yang dipandang oleh pengertian Islam bahawa Tuhan yang Maha Esa itu hanya daripada pengertian Islam belaka, tetapi setelah udara takbir padam – suaranya sayup-sayup kedengaran kerana manusia lupa semula akan jiwa takbir itu maka umat bertakbir itu sendiri mengikut ajaran-ajaran barat bahawa agama dan negara tidak dapat disatukan bahkan siasah penjajahan pula dipakai oleh pemegang tampuk pemerintahannya iaitu memecah-mecahkan persatuan umat Islam, memujuk kiai-kiai yang tadinya digunakan Belanda, menghidupkan semula semangat perpecahan sehingga kekuatan Islam yang menegakkan negara Indonesia dengan semangat takbirnya jadi lemah dan tidak berkuasa lagi.

Demikian juga di Malaya, jika dalam masa peralihan dengan jiwa takbir, dengan jiwa agama umat Melayu yang beragama Islam itu mara ke hadapan, mempertahankan diri sehingga terlihat keagungannya dalam peristiwa di Batu Pahat dan lain-lain tempat di seluruh Tanah Melayu maka setelah orang-orang kita berkuasa timbul pula suara baharu yang mengatakan bahawa agama Islam itu tidak mungkin dijalankan kerana ia akan membawa kekacauan dan akan membawa bunuh membunuh. Ini diucapkan pemimpin Perikatan di beberapa tempat setelah Perikatan memberi pengakuan bahawa agama negara ialah agama Islam!

Bukan setakat itu sahaja yang diucapkan tetapi juga, dikatakan bahawa kalau Islam dijalankan maka Islam tidak boleh hidup kerana bernegara sekarang mestilah mempunyai perhubungan dengan negara-negara yang bukan Islam, kerana kalau begitu tentulah kita akan berseorangan dan tidak dapat berkemajuan untuk memakmurkan negara. Jadi ertinya bahawa kalau bernegara



Professor Abdul Kahar Muzakkar

* * *

mengikut ajaran Islam, mengikut pengertian ini, hubungan dengan kerajaan lain tidak boleh; di dalam negeri akan hancur dan akan berlaku bunuh membunuh; dan negara tidak akan dapat makmur dan maju; masya-Allah!

Kita berkeyakinan pengertian ini adalah sesuatu pengertian yang salah difahamkan dan kerana itu kita meminta supaya apakah Islam itu yang sebenarnya mesti diselidiki dan dikaji dengan saksama – tidak pakai dengar sahaja kerana ucapan yang seperti itu bukannya sahaja salah tetapi boleh menarik kemarahan seluruh umat Islam bahkan harus kelak ada orang yang memandang perkataan yang sedemikian itu sebagai suatu penghinaan terhadap Islam.


Bertanyalah kepada ahli-ahli agama, bukan kepada lebai-lebai di kampung yang berharap kepada mati, tetapi tanyalah kepada ahli-ahli agama yang memandang bahawa hidup di dunia ini untuk merebut kebahagiaan dengan amalan dan bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara. Jika ditanya hal ini kepada

setengah-setengah lebai di kampung-kampung maka harus jawabnya apa yang dikatakan beliau itu benar kerana mereka itu sendiri tidak mengkaji dan mengetahui apa sebenarnya agama itu, agama yang diajarkan di dalam cara hidup yang sebenar oleh junjungan kita Muḥammad (SAW) beserta sahabat-sahabatnya. Jika ada cara-cara di dalam pemerintahan Islam di belakangnya salah maka janganlah yang demikian itu diambil sebagai suatu dari pengajaran-pengajaran Islam kerana ajaran Islam yang benar itu hanyalah dari Rasulullah beserta sahabat-sahabatnya yang kemudian daripadanya.

Juga janganlah berpengertian bahawa dengan sebab orang-orang yang memegang tampuk pemerintahan di negeri-negeri yang terbanyaknya Islam, seperti di Mesir dan lain-lainnya sebagai negara Islam kerana yang demikian menyalahi dari pengertian sebenarnya sekalipun Pakistan sendiri yang telah mengisytiharkan negaranya sebagai negara Islam namun negara itu belum lagi menjalankan ajaran-ajaran Islam bahkan masih

banyak yang dijalankan di dalamnya bertentangan dengan ajaran Islam. Ketahuilah kalau hendak melaksanakan sebuah negara Islam masa sekarang tidaklah boleh terus serentak sahaja, kenalah kita berusaha berdikit-dikit dari setapak ke setapak – tidak hari ini diisytiharkan terus dijalankan. Kita hendaklah jangan berputus harap kepada tujuan ini kerana ia perintah daripada Allah.

Melihat kepada keadaan sekarang maka yang utama bagi cita-cita menegakkan negara Islam itu hendaklah memperbaiki isinya – amalan yang dilakukan oleh pengikutnya dengan menanamkan pengertian itu beserta dengan amalannya sekali – kalau hanya bunyi sahaja pun tidak ada faedahnya. Sebab itu marilah kita bersama beramal menuju kepada arah itu dengan masing-masing menggunakan daya dan kebolehan mereka. Dengan cara ini semoga Allah akan memberi taufik dan hidayah-Nya – Āmin.



Pemuda-pemuda adalah sentiasa menjadi hiasan kepada anggota-anggota Ikhwan. Mudah-mudahan pemuda-pemuda ini kelak menjadi mujahid Islam untuk menegakkan kemuliaan agama Allah. Inilah sebahagian daripada anggota Ikhwan.